

11/09/2001

Kementerian diminta segera selesai kes pelajar

PERSOALAN sama ada perlu mengikut prosedur atau tidak, bukan perkara yang perlu dihebohkan tetapi isu pokok yang diketengahkan sepatutnya menjadi tajuk yang perlu difikirkan serta diselesaikan terlebih dulu.

Jika masing-masing mahu menyalahkan dan menuding jari kepada pihak lain kerana bertindak sendirian, nescaya masalah yang dihadapi tidak dapat diselesaikan.

Masalah sosial yang melanda pelajar kini tidak terkecuali turut memerlukan sokongan dan perhatian.

Semua pihak, baik Kementerian Pendidikan, badan bukan kerajaan mahupun masyarakat amnya, perlu bekerjasama menyelesaikan kemelut sosial itu.

Ketelusan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Methodist Pokok Asam, Taiping, Perak Tengku Habsah Tengku Petera, mendedahkan pembabitan beberapa pelajar sekolahnya yang didapati melakukan seks oral, sepatutnya diberi pujian.

Beliau tidak wajar diancam atas alasan membelakangi garis panduan yang sudah ditetapkan.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), Datuk N Siva Subramaniam, berkata sudah tiba masanya semua pihak duduk semeja membincangkan beberapa langkah yang perlu bagi menangani masalah sosial yang melanda pelajar daripada berbalah sesama sendiri.

Katanya, sikap suka menyalahkan orang lain tidak sepatutnya dijadikan amalan kerana ia mengalihkan pandangan masyarakat daripada masalah sebenar yang sedang dihadapi ketika ini.

"Ada antara kita mudah melenting apabila orang memperkatakan sesuatu perkara kerana pada anggapan mereka, orang yang berkata itu ingin menimbulkan polemik atau mahukan perhatian.

"Mereka tidak menyedari kebenaran di sebalik kata-kata itu tetapi lebih gemar mengkritik dan membangkang," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pendedahan Tengku Habsah wajar dijadikan model oleh semua pengetua dan guru besar demi memulihara institusi pendidikan daripada dicemari pelbagai gejala tidak sihat.

Beliau berkata, tanpa pendedahan, tentu masyarakat dan pegawai yang terbabit secara lansung menyelesaikan kes itu, akan menyedari seriusnya masalah pelajar, sekali gus bertindak pantas mencari jalan membendung perkara itu.

Siva berkata, melalui berita yang disiarkan, masyarakat terkejut dan berfikir mengenai masa depan generasi muda. Dalam pada itu, katanya, kerajaan sebagai pihak yang bertanggungjawab akan bekerja keras mencari punca dan langkah membendung masalah itu.

Daripada reaksi kini selepas pendedahan dibuat Tengku Habsah, beliau bimbang isu sebenar, iaitu masalah sosial pelajar, kemungkinan tidak diberi keutamaan.

Katanya, jika ada pengetua dan guru besar lain yang ingin mendedahkan pelbagai permasalahan di sekolah, nescaya mereka tidak akan berbuat demikian selepas mendengar pelbagai kritikan yang diutarakan terhadap Tengku Habsah.

"Tentunya mereka takut dan tidak mahukan ancaman dan tekanan seperti yang dihadapi Tengku Habsah. Pada pandangan mereka, lebih baik berdiam diri dan menumpukan kepada tugas harian," katanya.

Kata Siva, KPPK tidak sesekali ingin menghasut pengetua dan guru besar membelakangi peraturan, sebaliknya mengharapkan langkah terbaik diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi menangani masalah yang sedang berlaku.

Beliau berkata, kes sosial remaja dan pelajar tidak boleh dipandang mudah. Tahun lalu saja, 167,173 kes juvana pelbagai kesalahan dilaporkan. Di antara Januari hingga Mei tahun ini, hampir 27,000 kes sama direkodkan polis.

Kajian KPPK mengenai pembabitian pelajar India dalam gejala sosial di salah sebuah sekolah menengah mendapati 76.14 peratus pelajar terbabit dalam pelbagai kesalahan sosial seperti menonton bahan lucah, samseng dan minum arak.

Siva berkata, kesalahan yang dilakukan pelajar bukan lagi konvensional tetapi pelbagai dan kadangkala membimbangkan masyarakat.

"Dulu, kita hanya sering mendengar kes seperti pelajar ponteng sekolah, mencuri basikal dan pensel. Kita tidak pernah terfikir ada pelajar tergamak melakukan kegiatan di luar nilai kemanusiaan seperti seks oral, liwat dan bunuh, seperti yang berlaku hari ini," katanya.

Justeru, KPPK menyanjung ketelusan Tengku Habsah menjelaskan kepada masyarakat mengenai tahap sosial pelajar yang begitu serius dan perlu dirawat segera.

Sebelum ini, KPPK juga mengemukakan beberapa laporan kepada Kementerian Pendidikan mengenai kepingangan dalam pendidikan.

Sebagai contoh, katanya, beberapa tahun lalu, beliau berbincang dengan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, mengenai kes penyelia yang ditukarkan ke bahagian lain kerana memecat guru besar salah sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil di Perak yang didapati bersalah memaksa beberapa guru perempuan melayani kemahuan seksnya.

Bagaimanapun, katanya, laporan yang dikemukakan KPPK tidak diberi perhatian sebaik mungkin.

"Ada pegawai di Kementerian Pendidikan kurang senang dengan laporan ini. Mereka berpendapat laporan yang dikemukakan boleh menjejaskan kedudukan mereka.

"Saya rasa pegawai itu `sakit' dan mereka perlu dirawat seberapa segera," katanya.

Pada masa terdekat ini, katanya, KPPK menyiapkan laporan mengenai salah laku dalam pendidikan. Selepas siap, kata Siva, laporan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk tindakan selanjutnya.

"Selain itu, pendedahan melalui media adalah jalan terbaik bagi menegur dan mengingatkan pihak tertentu supaya leka menjalankan tanggungjawab yang dimanahkan kepada mereka," katanya.

(END)